

PENDIDIKAN ISLAM

TAHUN 4

ماری برسوچی




BERSUCI :

Membersihkan tubuh badan,
pakaian, dan persekitaran
daripada najis dan hadas.



NAJIS:

Benda-benda kotor pada hukum
syarak yang menyebabkan solat
tidak sah.



Najis Mukhaffafah

Najis ringan iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang berumur tidak lebih dua tahun yang hanya menyusu susu ibunya.



Najis Mutawassithoh

Najis sederhana seperti tahi, darah dan arak.



Najis Mughollazoh

Najis berat iaitu anjing, babi dan keturunannya serta benda yang terbit daripada kedua-duanya.





Najis Mukhaffafah

- Lapkan najis dengan kain kering.
- Renjiskan air mutlak ke atasnya.
- Lap hingga kering.

Najis Mutawassithoh

- Buang najis tersebut.
- Cuci tempat yang terkena najis sehingga hilang bau, warna dan rasa.

Najis Mughollazoh

- Buang najis tersebut.
- Cuci tempat yang terkena najis dengan air tanah 1 kali.
- Cuci dengan air mutlak sebanyak 6 kali sehingga hilang bau, warna dan rasa.



